

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN  
KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab Pharmaniaga dibenarkan untuk menjual vaksin Sinovac kepada Kerajaan Persekutuan pada harga USD15 per dos tetapi menjual vaksin yang sama kepada yang lain pada RM150 per dos.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan untuk menetapkan harga maksimum vaksin COVID-19 telah diusahakan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sejak awal Ogos 2021. Walau bagaimanapun, cadangan penetapan harga ini telah ditangguhkan bagi memperhalusi dan menyemak permintaan keperluan vaksin di pasaran swasta.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang dalam prosesewartakan penetapan harga siling bagi vaksin CoronoVac di peringkat borong dan juga di peringkat runcit.

Sekian, terima kasih.